

Galakan Kerajaan Indonesia Supaya Rakyat Makan Tikus

Persoalan tikus di Indonesia sudah menjadi satu soal yang besar. Yang pertama adalah serangan-serangan tikus kepada padi-padi sehingga bermilion-milion tikus menyerang sawah. Dengan kerananya sawah-sawah telah binasa dan hasil-hasil padi hancur. Sebagai membalas perbuatan-perbuatan tikus yang dipandangnya sebagai agresif maka orang-orang digalakkan memakan tikus dengan diadakan kononnya penyelidikan bahawa daging tikus sedap dan mengandungi zat protein serta lemak seperti yang ada kepada daging arnab sedang dagingnya empuk. Cubalah perhatikan berita-beritanya di bawah ini.

Duta Masyarakat, Harian Indonesia bertarikh 12

September menyatakan bahawa petani-petani Indonesia sekarang memandang bahawa tikus itu musuhnya yang besar sekali. Mereka pandang pula bahawa tikus itu musuh nasional.

“Jangan dibanyakkan tikus yang melintas di kamar atau di bawah almari makanan”. Kata *Duta Masyarakat* “itu hanya tikus keluarga”. Yang menjadi persoalan kini adalah berjuta-juta tikus yang secara kesetanan merosak tumbuhan-tumbuhan tanpa perhitungan dan tanpa kenal ampun.

“Kita perlu menyayangi binatang tetapi tidak terhadap tikus. Bagaimana mungkin kita boleh berdamai dengan makhluk agresir¹ ini? Adakah alasan untuk terus-menerus “berkompromi” dengan binatang menggerek ini?

Tiap-tiap tahun sempadan yang dirosakkannya bertambah baik tahun yang sudah mendekati dua juta hektar² ekar.” Sekian katanya sambil menyeru supaya mengadakan perlawanhan habis-habisan terhadap tikus.

Daripada ini zahir bahawa perusahaan atau hasil

makanan banyak yang dibinasakan oleh tikus dan menjadikan makanan kurang. Sebab itu untuk gantinya tentu Sukarno anjurkan supaya makan tikus sahaja untuk menghilangkan lapar sebab beras dimakan tikus sebab itu orang mesti makan tikus apalagi hubungan ekonomi dengan Malaya sudah putus – ertinya bahan makan makin kurang.

Apa daya? Cari jalan supaya rakyat dipengaruhi untuk makan tikus sebab tikus kononnya sedap.

Banyak berita-berita di bawah ini yang disiarkan oleh *Harian Rakyat* akhbar *Communist Indonesia*.

Anak-anak Ganyang (ratah) Tikus

Di dalam hari kelepasan anak-anak sekolah membuat kerja bakti untuk membunuh tikus. Beribu-ribu tikus dibunuh mereka. Mereka puas hati dan gembira apabila mereka mendapat tikus itu.

Anak-anak ini, dengan pimpinan guru-guru mereka

¹ Perkataan sebenar ialah agresif.

² Perkataan sebenar ialah hektar.

insaf dengan kegagalan menuai disebabkan wabak

tikus akan menyebabkan kelaparan.

Mereka bergembira sungguh kerana yang berselera
terus membakarnya seperti sate dan sedap benar mereka
memakannya. Ini satu kesukaan sebab Sukarno
menggalakkan petani-petani menangkap tikus dan memakannya
sekali supaya puas segala-galanya.

Tikus Banyak Mengandung Protein

Rupanya anjuran-anjuran Sukarno supaya rakyat
“duin” (suka) memakan tikus itu diusahakan
dari segala segi dengan menggunakan cerdik pandai
supaya jangan rakyat terasa lapar dan jauh keinginannya
kepada beras.

Seorang jurutera (insinyur) bernama Sugeng
Sugio Barso, seorang ahli pertanian di Surakarta
menerangkan bahawa daging tikus itu rasanya seperti
daging ayam sahaja. Dagingnya empuk (lembut) sedang
seratnya (tetalinya) tidak melekat. Ia sendiri sudah
pernah memakan daging tikus dan mencuci daging
itu dan mencicah serta memakannya. Dagingnya, katanya,
tidak berbeza dengan daging kelinci (arnab). Dagingnya
mempunyai zat protein dan zat putih telur yang cukup
banyak”. Demikian kata *Harian Pelopor*.

Ini dapat dilihat rupanya di Indonesia ada kempen
untuk rakyat gemar makan tikus. Sebabnya? Barang
makanan lain kurang – daripada lapar, kata bajingan
Sukarno. Kan lebih baik makan tikus – berabih!

Bacalah!

Isteri-Isteri Nabi

Dipersesuaikan oleh: Umm Muhsin daripada kitab

Nisā' al-Nabiyy karangan **Dr Bint al-Shāfi'**

Sebuah buku yang

menggambarkan dengan sejelasnya-sejelasnya

rumahtangga Rasulullah *ṣallā Allāhu*

'alayhi wa sallam yang menjadi

ikutan dan contoh utama bagi

umat Islam seluruhnya.



Sebuah buku yang sangat

penting dibaca, terutama oleh

wanita-wanita Islam.

Tebalnya 242 muka dan harganya \$2.50 sahaja

tambah belanja mengirimnya 20 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM

8/356, GEYLANG ROAD

SINGAPORE, 14.